

16 JAN 2003

LING-KENDALIAN/I

KERAJAAN JANGKA KENDALIAN KONTENA CECAH 10 JUTA TEU MENJELANG AKHIR  
TAHUN

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata hari ini bahawa kerajaan menjangka jumlah kendalian kontena akan mencecah 10 juta unit bersamaan dua puluh (TEU) menjelang akhir tahun 2003, ekoran usaha pemasaran dan penggalakan besar-besaran yang dilaksanakan oleh pelabuhan-pelabuhan di Malaysia.

Kata Dr Ling, dengan jumlah kargo pindah kapal semakin meningkat dan pertambahan kukuh kargo dari kawasan pedalaman, jumlah kendalian dijangka mencapai lebih 15 juta TEU pada tahun 2005.

Katanya, dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kerajaan telah memperuntukkan lagi dana untuk memperluaskan peranan pelabuhan-pelabuhan Malaysia sejajar dengan matlamat ekonomi negara.

"Ini adalah berdasarkan hakikat bahawa jumlah kendalian kontena Malaysia telah mencapai sembilan juta unit bersamaan dua puluh (TEU) pada tahun 2002," katanya dalam ucapannya pada Majlis Jamuan Malam 2003 anjuran Persatuan Pemilik Kapal Antarabangsa Malaysia (ISOA) di sini, hari ini.

Dr Ling menambah kata bahawa ini terbukti daripada perkembangan yang berlaku di Pelabuhan Klang, Johor, Kuantan, Pulau Pinang dan Bintulu.

Katanya, adalah amat memberangsang melihat bahawa dua pelabuhan pusat pindah kapal terkemuka Malaysia, iaitu Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas, telah mencapai pertumbuhan kukuh.

Bagi tahun 2002, Pelabuhan Klang mencapai jumlah kendalian kontena sebanyak 4.53 juta TEU, mencerminkan pertumbuhan sebanyak 20.6 peratus manakala Tanjung Pelepas menikmati pertumbuhan sebanyak 31.2 peratus dengan jumlah kendalian 2.6 juta TEU.

Katanya, kerajaan, di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telah berusaha keras untuk memastikan kejayaan Persyarikatan Malaysia dan kerajaan akan terus menggalakkan sektor swasta untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan Malaysia pada masa akan datang melalui pertumbuhan selanjutnya dalam sektor perkhidmatan.

Dr Ling berkata, kerajaan menghargai peranan penting yang dimainkan oleh syarikat-syarikat perkapalan kerana 90 peratus daripada jumlah kargo diangkut dengan kapal. -- BERNAMA

WNZ KTC KY ZK